

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 DISEMBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7

Pembukaan semula ekonomi China beri kesan positif

Telur import atau tempatan, apa pilihan pengguna?

Oleh SAFINA RAMLI
dan MOHAMAD NAUFAL
MOHAMAD IDRIS
utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Para pengguna masih berkira-kira sama ada mahu membeli telur ayam tempatan yang harganya lebih mahal atau telur import yang masih dikhuatir kualiti dan keselamatannya.

Seorang pengguna, Nor Hasmah Ismail, 39, berkata, dia mengui kualiti telur import berbanding tempatan berdasarkan tahap kebersihan, rasa serta ketahanannya dan rela mendapatkan telur tempatan yang lebih mahal.

"Keluarga kami tidak pernah pun guna telur import, berpuluhan tahun guna telur tempatan. Jadi, memang sudah biasa makan telur tempatan, walaupun bukan setiap hari. Kami bimbang apabila guna telur import, rasanya berbeza, takut tidak sedap dan risau juga rasa masakannya akan berubah.

"Jadi, buat masa ini saya fikir lebih baik beli telur omega, walaupun harganya sedikit lebih mahal, tetapi kita tahu kualiti, tahap kebersihan dan rasa. Tidak banyak berbeza dengan telur biasa," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Bagaimanapun, berbeza pula bagi seorang lagi pengguna, Hussin Ali, 40, apabila memak-



PEMBORONG dan pembekal telur ayam di sekitar Georgetown, Pulau Pinang masih menjual telur ayam tempatan kerana belum mendapat bekalan telur ayam import.

lumkan dia lebih rela menggunakan telur import jika hargaanya lebih murah.

"Telur boleh dikatakan menjadi lauk rutin keluarga kami, kalau tidak jadi menu utama pun ia akan jadi menu sampingan supaya ada pilihan untuk anak-anak makan sekurang-kurangnya sebijik sehari."

"Cuma masalah sekarang adalah bekalan telur yang murah susah dapat. Saya tidak tahu apa masalah yang berlaku dalam rantai perniagaan telur, tetapi

kalau ada telur import yang harganya lebih mahal pun tak guna juga kerajaan benarkan import. Tetapi, saya harap masalah ini tidak berlarutan sampai tahun depan," luahnya.

Dalam tinjauan di sekitar bandar raya ini, bekalan telur dalam peket ekonomi iaitu 30 biji seapanjang bagi gred A dan B masih sukar untuk diperoleh berbanding C yang dijual sekitar RM16 hingga RM18 seapanjang.

Bagaimanapun, stok bagi Gred C pula kuantitinya tidak

banyak dan hanya terdapat di sesetengah pasar raya sahaja berbanding kedai runcit dan pasar awam.

Namun, telur import seperti diuar-uarkan sebelum ini masih belum kelihatan dekat rak-rak barang di pasar raya kecuali stok tempatan seperti telur organik dan omega dalam peket 10 dan 15 biji.

Sementara itu di PULAU PINANG: Pemborong dan pembekal telur ayam di sekitar pusat bandar di sini masih belum menerima bekalan telur ayam import buat masa ini.

Kebanyakan mereka masih bergantung pada bekalan telur ayam tempatan walaupun berdepan dengan masalah kekurangan bekalan telur ayam segar.

Seorang pemborong dan pembekal telur ayam, Faisal Sidek berkata, dia tidak menolak kemungkinan untuk mendapatkan telur import bagi menampung permintaan pengguna.

"Telur ayam tempatan bagi semua gred masih mengalami kekurangan dan kami berharap bekalan telur ayam akan segera pulih bagi menampung permintaan pengguna," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, bekalan telur diantar kepada pihaknya sebanyak tiga kali seminggu, namun masih belum mencukupi.